

**Nestlé Melabur Lebih RM100 juta untuk menubuhkan
Pusat Pengilangan MILO terbesar dunia di Chembong**
Peneraju Tenusu Global Ambil Alih Kilang PJ Nestlé

PETALING JAYA, 9 Oktober 2018 – Nestlé (Malaysia) Berhad melabur lebih daripada RM100 juta untuk memperkembang kilang MILO di Chembong, Negeri Sembilan. Langkah ini sejajar dengan strategi Syarikat untuk memacu pertumbuhan kukuh yang mampan dan menguntungkan serta melabur di Malaysia sebagai hab pengilangan utama bagi Kumpulan Nestlé. Perkembangan ini, yang merupakan sebahagian daripada usaha berterusannya untuk meningkatkan tahap kecekapan dan daya saing, akan menyaksikan penubuhan Kilang Chembong sebagai Pusat Kecemerlangan Pengilangan MILO terbesar di dunia oleh Kumpulan Nestlé.

Untuk mengendalikan rancangan ini, Nestlé Malaysia akan memindahkan kesemua operasi pengilangan MILO yang sedia ada dari Kilang Petaling Jaya (PJ) untuk menumpukan dan memperluas pengeluaran MILO di Kilang Chembong.

En. Alois Hofbauer, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad berkata, “Langkah ini adalah satu pelaburan untuk mengukuhkan lagi kehadiran Nestlé kami di Malaysia. Kilang MILO di Chembong adalah suatu aspek penting dalam perniagaan Syarikat, membekalkan MILO kepada pasaran domestik dan menyumbang kepada eksport ke lebih daripada 20 buah negara. Melalui penumpuan operasi MILO kami dan pelaburan kami melebihi RM100 juta bagi kilang Chembong, kami bukan sahaja dapat menaikkan taraf fasiliti pengeluaran dan meningkatkan kecekapan operasi, malah juga meningkatkan kapasiti dan menjadikan Chembong sebagai Pusat Pengilangan MILO terbesar di dunia Nestlé. Ini akan membantu kami untuk memenuhi permintaan tempatan dan eksport yang semakin berkembang.”

Dalam pada itu, Lactalis, peneraju global dalam perniagaan tenusu dengan kehadiran di lebih daripada 100 buah negara akan memperoleh dan mengambil alih operasi kilang PJ serta perniagaan Tenusu Dingin tersohor pasaran Nestlé. Lactalis merancang untuk menjadikan Malaysia sebagai hab operasi perniagaan Tenusu di ASEAN dengan rancangan untuk memacu pertumbuhan menerusi portfolio yang diperkembang dengan produk baharu yang menarik.

“Nestlé kekal positif dengan pasaran Malaysia dan Malaysia sebagai hab eksport, dan kami berharap untuk membuka lebih banyak peluang pertumbuhan di masa hadapan. Kami yakin bahawa pelaburan-pelaburan ini akan membolehkan kami mengukuhkan tumpuan kami kepada perniagaan teras strategik yang mempunyai potensi pertumbuhan jangka panjang yang baik, sejajar dengan keperluan pengguna yang sentiasa berkembang. Pada masa yang sama, inisiatif ini akan membuka jalan bagi perniagaan Tenusu Dingin dan kilang PJ untuk terus berkembang di bawah pucuk kepimpinan Lactalis yang baru,” rumus En. Hofbauer.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 189 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 328,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan serta memainkan peranan untuk membina masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami. Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>

Untuk maklumat lanjut:

Immy Ooi

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6729
E-mail: LayImm.Ooi1@MY.nestle.com

Joanne Lim atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
+6012-304 7604 (Joanne) atau
+6017-237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my